

SENI SILAT
MEMBENTUK AKHLAK
MUDA-MUDI KINI

OLEH:

HAMZAH BIN KAMIJU

87636692

Tesis ini dikemukakan kepada kajian Seni Lukis & Seni Reka Institut Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Seni Lukis & Seni Reka.

1. Diperiksa oleh Tarikh.....
2. Diperiksa oleh Tarikh.....

- Diluluskan oleh Tarikh.....

Dekan
Kajian Seni Lukis & Seni Reka
Institut Teknologi Mara
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Ilahi kerana telah memberikan kepada saya kemampuan dalam membuat tesis ini. Dengan izin dan kuasaNya tesis ini dapat disiapkan.

Dikeempatan ini, saya juga merakamkan ribuan terima kasih saya kepada kedua ibu bapa saya yang turut memberikan sokongan kepada saya. Sokongan yang berupa moral dan kewangan amat saya hargai kerana ia begitu besar ertinya bagi saya. Saya juga berterima kasih kepada penasihat saya yang juga merupakan pensyarah dan Ketua Kursus Jabatan Senireka Fesyen iaitu Cik Kalsom Bt. Muda. Beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya dalam membuat tesis ini. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah lain yang ada membantu dalam menyiapkan tesis ini.

Terima kasih juga kepada pegawai-pegawai di Muzium Negara yang turut memberikan bantuan mereka dalam mencari bahan-bahan kajian. Terutama kepada En. Hassan Bin Hj. Hashim dan juga En. Salleh. Budi baik dan bantuan mereka berdua amatlah saya hargai. Begitu juga kepada pegawai-pegawai di Perbadanan Kemajuan Infokraf Malaysia, yang turut memberikan kerjasama mereka kepada saya.

Akhir sekali terima kasih saya kepada teman-teman dan abang-abang serta kakak-kakak saya yang turut memberikan bantuan mereka. Akhir kata budi baik sekeliannya akan tetap dikenang.

Wasalam.

Penulis,
HAMZAH BIN KAMIJU

SINOPSIS

Teisi ini adalah mengenai seni silat warisan bangsa Melayu yang wujud bertahun-tahun dulu. Kesenian yang bukan sahaja dapat mempertahankan diri seseorang dari serangan musuh tetapi juga dapat membentuk akhlak penuntut-penuntutnya, khususnya golongan muda-mudi. Golongan muda-mudi ini merupakan orang yang bakal memimpin negara. Tetapi sekarang golongan ini pula yang paling banyak menimbulkan masalah kepada negara. Masalah-masalah ini bertambah rumit dari masa ke semasa. Untuk menyelesaikan masalah ini, salah satu caranya ialah dengan menggunakan seni silat. Ia adalah disebabkan ciri-ciri yang terdapat didalam seni silat itu sesuai untuk dijadikan penawar pada masalah-masalah itu. Dalam usaha untuk membentuk akhlak muda-mudi ini beberapa masalah lain telah timbul. Masalah-masalah ini adalah berpunca daripada beberapa sebab yang boleh diatasi jika beberapa perkara penting diambil perhatian oleh semua masyarakat Melayu dan juga pihak-pihak yang berkenaan. Walaupun begitu seni silat tetap menjadi kesenian bangsa Melayu yang dapat membentuk akhlak muda-mudi.

TUJUAN

Memandangkan bahan bacaan mengenai kesenian Melayu ini agak kurang, maka diharapkan dengan lahirnya tesis ini ia akan dapat memperbanyakkan lagi bahan bacaan seumpama ini. Selain daripada itu tesis ini tidak terlalu menekankan pada aspek teknik mempertahankan diri seperti bahan bacaan yang seumpama ini. Tesis ini lebih menekankan kepada didikan

JADUAL ISI KANDUNGAN

m/s

BAB 1

- 1.1 PENDAHULUAN
- 1.2 DEFINISI SENI
- 1.3 KESENIAN MELAYU
- 1.4 SILAT
- 1.5 SILAT DAN KAITANNYA DENGAN SENI

7

BAB 2

- 2.1 LATARBELAKANG SENI SILAT
- 2.2 JENIS-JENIS SENI SILAT
 - i. Silat Persembahan
 - ii. Silat Mempertahankan Diri
- 2.3 LATIHAN-LATIHAN DALAM SENI SILAT
 - i. Silat Dengan Tangan Kosong
 - ii. Latihan Menggunakan Senjata
- 2.4 PAKAIAN DALAM SENI SILAT
- 2.5 SENI SILAT DI MALAYSIA WAKTU INI

12

15

19

22

25

BAB 3

- 3.1 SENI SILAT PEMBENTUK AKHLAK
- 3.2 MUDA-MUDI DAN MASALAHNYA
 - i. Penyalahgunaan Dadah
 - ii. Vandalisme
 - iii. Kumpulan Liar
 - iv. Kurang Bertanggungjawab
 - v. Pergaulan Bebas
- 3.3 PEMBENTUKAN AKHLAK DALAM SENI SILAT
 - i. AGAMA
 - ii. KEPERIBADIAN
 - a. Displin
 - b. Tetap Pendirian
 - c. Tidak Ria'
 - d. Berpandangan Jauh

30

32

39

BAB 4

- 4.1 SENI SILAT DAN MASALAH-MASALAHNYA
 - a. Sikap
 - b. Kurang Galakan
 - c. Kurang Penggunaannya
 - d. Kurang Pengetahuan Mengenai Seni Silat
- 4.2 CADANGAN-CADANGAN
 - a. Menubuhkan Persatuan Seni Silat Di Sekolah-Sekolah
 - b. Penambahan Ahli Dalam Persatuan Seni Silat
 - c. Penubuhan Persatuan Seni Silat Di Kawasan Baru
 - d. Mengadakan Pertandingan Seni Silat

50

53

BAB 5

- 5.1 PENUTUP

58

BAB 1

1.1 PENDAHULUAN

Seni silat merupakan warisan bangsa Melayu. Ia merupakan seni mempertahankan diri yang tidak hanya mengutamakan soal-soal jasmaniah tetapi juga mengenai hal-hal kerohanian. Didikan kerohanian adalah sangat utama bagi membentuk akhlak seseorang. Dalam membicarakan tajuk di atas, kita menyingkap terlebih dahulu akan maksud atau definisi yang terdapat didalam beberapa patah perkataan yang agak penting.

1.2 DEFINISI SENI

Di dalam Kamus Dewan seni itu di definisikan sebagai expresi tentang apakah itu kecantikan atau keindahan terutama didalam bentuk visual.

Clive Bell pula salah seorang ahli aestatika Inggeris menyatakan seni adalah sebagai 'Bentuk Bererti' dalam setiap objek, garis dan warna yang bersatu dengan cara-cara tertentu. Bentuk yang tertentu dan perhubungan diantara bentuk-bentuk itu mencetuskan emosi estatika kita. Perhubungan deria, penyatuan garis dan warna iaitu bentuk-bentuk yang menyentuh perasaan estatika kita dipanggil bentuk-bentuk bererti dan ia merupakan nilai-nilai yang ada pada sesebuah karya Seni Tampak.

Manakala seorang pengarang berbangsa Russia bernama Leo Tolstoy di dalam bukunya 'What Is Art' menyatakan;